

16/03/1998

Pemimpin cabar ketua ditakrif tiada disiplin

Rasid Rahaman

KUALA SELANGOR, Ahad - Pemimpin cawangan dan bahagian Umno di Selangor yang enggan mematuhi nasihat Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya tidak mencabar penyandang ketua bahagian masing-masing, tidak akan mendapat tempat dalam parti dan kerajaan.

Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar berkata, mereka terbabit boleh ditakrifkan tidak berdisiplin dan wajar tidak diberi tempat dalam parti dan kerajaan walaupun menang dalam pemilihan peringkat bahagian kali ini.

"Oleh itu, saya berharap jalinan kerjasama yang erat dengan mementingkan kekukuhan dan perpaduan parti daripada kepentingan diri dapat dibuktikan oleh ahli Umno di Selangor dalam persidangan perwakilan tahun ini.

"Begitu juga nasihat presiden iaitu mengelak berlakunya pertandingan di peringkat ketua bahagian akan dapat dipatuhi oleh semua pihak.

"Saya pasti walaupun ini adalah berbentuk nasihat, tetapi ia adalah perkara penting yang perlu dipatuhi ahli bagi menjaga perpaduan dan keharmonian parti," katanya.

Beliau berkata demikian majlis perasmian persidangan perwakilan Umno bahagian Kuala Selangor oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, semalam.

Abu Hassan berkata, dengan tidak adanya pertandingan di peringkat ketua bahagian yang sememangnya menjadi idaman kebanyakan ahli, secara tidak langsung dapat mengelak daripada berlakunya politik wang, permusuhan, fitnah memfitnah, surat layang, dan pelbagai lagi perkara negatif.

"Kita harus menggunakan masa yang ada untuk tugas lain yang lebih besar dan berfaedah kepada parti mahupun rakyat, daripada membazir masa untuk berkempen dari rumah ke rumah pagi hingga ke larut malam semata-mata untuk memancing undi dan memuaskan hawa nafsu," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan syabas kepada Datuk Jamaluddin Adnan yang menarik diri daripada bertanding jawatan Timbalan Ketua bahagian Kuala Selangor untuk memberi laluan dan sokongan kepada penyandang jawatan, Datuk Miskon Suteru.

"Begitu juga kepada Dr Karbni Kamsono kerana menerima nasihat saya untuk menarik diri dari bertanding jawatan naib ketua dan memberi kemenangan tanpa bertanding kepada Jahaya Ibrahim.

"Saya harap ini akan menjadi ikutan oleh semua bahagian di Selangor," katanya.

(END)